

# 10 saksi dipanggil perbicaraan kes Ahmad Maslan

**Kuala Lumpur:** Pihak pendakwaan akan mengemukakan 10 saksi pada perbicaraan kes Ahli Parlimen Pontian, Datuk Seri Ahmad Maslan, yang didakwa atas dua pertuduhan gagal mengisytiharkan RM2 juta yang diterima daripada Datuk Seri Najib Razak kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan memberi pernyataan palsu kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Timbalan Pendakwa Raya, Mohd Mukhzany Fariz Mohd Mokhtar, yang mengetuai pasukan pendakwaan, berkata pihak pendakwaan menyerahkan pernyataan saksi kepada mahkamah dan pasukan pembelaan, awal bulan lalu.

Perbicaraan kes itu akan dide-ngar di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen Azman Ahmad.

Sebelum ini, perbicaraan kes Ahli Parlimen itu ditetapkan pada 16 dan 23 Oktober serta semalam tetapi prosiding telah di lapangkan susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

“Pihak pendakwaan menerima e-mel daripada mahkamah baru-baru ini yang memaklumkan pengurusan kes ditetapkan pada 27 November ini bagi menetapkan tarikh perbicaraan baharu,” katanya ketika dihubungi *BERNAMA*, semalam.

Peguan Hamidi Mohd Noh yang mengetuai pasukan pembelaan ketika dihubungi turut mengesahkan perkara itu.

Ahmad didakwa membabitkan diri dalam pengubahan wang haram dengan cara tidak melaporkan pendapatan sebenar berjumlah RM2 juta yang diterima daripada bekas perdana menteri itu kepada LHDN dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan Bagi Tahun Taksiran 2013 yang bertentangan dengan Seksyen 113(1)(a) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Beliau didakwa menerima wang itu, yang dipercayai sebagai hasil daripada aktiviti yang menyalahi undang-undang, melalui cek AmIslamic Bank Berhad bertarikh 27 November 2013, dan cek itu ditunaikan sendiri oleh Ahmad, pada hari sama.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di LHDN, Cawangan Duta, Kompleks Pejabat Kerajaan, Jalan Tuanku Abdul Halim, di sini, pada 30 April, 2014.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM5 juta atau penjara maksimum lima tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.